

# Laporan tidak tepat, mengelirukan

## PKR Labuan nafi laporan media 13 ketua kampung letak jawatan

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Parti Keadilan Rakyat (PKR) Labuan menafikan laporan media yang menyatakan seramai 13 Ketua Kampung di sini meletakkan jawatan dan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Ketua Bahagian PKR Labuan Simsudin Sidek berkata, berita itu yang memetik kenyataan ketua badan pimpinan BERSATU Labuan Datuk Suhaili Abdul Rahman yang tersiar 8 Mac adalah tidak tepat dan mengelirukan.

“Saya sebagai ketua cabang PKR Labuan merangkap Pengerusi PH Labuan ingin menegaskan bahawa nama-nama ketua kampung disebutkan menafikan mereka terlibat,” katanya.

Menurut Simsudin empat Ketua Kampung yang memberi penafian terbuka terdiri daripada Omar Tangkim (Bukit Kuda - PKR), Khalid Mohamed Saniff (Lubok Temiang - PKR), Zulkifli Abdullah (Pohon Batu - WARISAN) dan Rosmani Bin Puteh (Sg Bedaun - WARISAN).

Simsudin berharap in-

dividu dan media terbabit lebih berhati-hati dalam menyiarkan laporan dengan memberi tumpuan khususnya kepada fakta dan sumber yang sahih.

“Janganlah ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan atas kecelaruan dan kemelut politik yang sedang berlaku di negara kita sekarang dan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat setempat,” katanya.

Simsudin memaklumkan pihaknya bersama PH-WARISAN Labuan akan mengadakan sidang akhbar hari ini.



**SIMSUDIN**